

BAHASA MELAYU TAHUN 2

Latihan BM Tahun 2, buku aktiviti jilid 2, muka surat 79, tulis nilai berdasarkan seni kata lagu berdasarkan irama lagu "Anak Itik Tok Wi".

Aktiviti 2

Tulis nilai berdasarkan seni kata lagu.

Bersemangat ke Sekolah

Pergi ke sekolah
Penuh bersemangat
Pergi ke sekolah
Untuk menuntut ilmu.

Nilai:
Kita mesti rajin ke sekolah untuk
mendapat ilmu pengetahuan.

Usah bazir masa
Ketika di sekolah
Usah bazir masa
Kelak kamu rugi.

Nilai:

Berikan tumpuan
Guru mengajar
Berikan tumpuan
Agar kamu faham.

Nilai:

Hormatilah guru
Tanpa kira waktu
Hormatilah guru
Guru sumber ilmu.

Nilai:



Tekan sini untuk lagu



Pilihan jawapan: ↓

Kita jangan banyak buang masa
semasa berada di sekolah kerana
akan ketinggalan dalam pelajaran.

Kita perlu menghormati guru
setiap masa kerana guru
memberikan ilmu.

Kita perlu memberi tumpuan
semasa guru mengajar supaya kita
faham dengan pengajaran guru.

*Irama lagu "Anak Itik Tok Wi"



Bimbing murid menulis nilai berpandukan seni kata lagu, kemudian minta murid bernyanyi beramai-ramai.

